



KENYATAAN MEDIA

KPKT SENTIASA MENGHORMATI KEBEBASAN MEDIA

PUTRAJAYA, 31 Oktober 2025 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menegaskan bahawa di bawah pimpinan YB Tuan Nga Kor Ming, kementerian ini sentiasa menghormati kebebasan media serta menghargai peranan penting media dalam menyampaikan maklumat yang tepat dan sahih kepada rakyat.

KPKT ingin menjelaskan bahawa sidang media yang diadakan bagi **pelancaran Projek Inovasi Pencahayaan ke Arah Kelestarian Bandar** bersempena Tahun Melawat Malaysia 2026 atau "*I LITE U*" antaranya bertujuan memperkukuh usaha promosi pelancongan negara, selain menarik perhatian pelancong antarabangsa terhadap keunikan dan daya tarikan ikonik khususnya di ibu negara.

Sebagai tanda komitmen dalam menjunjung martabat Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, keseluruhan sidang media oleh YB Menteri dijalankan dalam Bahasa Melayu, termasuk ucapan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.

KPKT amat menghargai sumbangan media tempatan dan antarabangsa melalui liputan yang diberikan, serta menghormati kebebasan wartawan untuk mengemukakan pertanyaan sepanjang sidang media.

Namun begitu, KPKT ingin menjelaskan bahawa pihak yang menjawab soalan juga wajar mempunyai ruang untuk memberi respon kepada setiap persoalan yang diajukan. Selain itu, teguran secara berhemah bagi memastikan ketepatan fakta dan kefahaman bersama juga adalah kaedah kebersamaan demi mencapai objektif program serta dasar Kerajaan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
31 Oktober 2025